

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR  
BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

**SOALAN NO. 407**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengurangkan aktiviti spekulator yang membuat keuntungan atas angin hingga mengakibatkan kenaikan mendadak harga rumah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk mengekang aktiviti spekulator bagi mengelakkan kenaikan harga rumah yang mendadak.
2. Antara usaha yang diambil adalah seperti berikut:
  - (i) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
  - (ii) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta seunit;

## NO SOALAN : 407

(iii) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;

(iv) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interesting Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;

(v) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;

(vi) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan to Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksimum 70% sahaja. Baki 30% perlu ditanggung sendiri;

(vii) KPKT akan mempertimbangkan kelulusan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) setelah semua kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, urusan tanah dan penetapan harga rumah mampu milik diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri.; dan

(viii) Bagi menggalakkan pemajuan Projek Rumah Mampu Milik yang diiktiraf oleh pihak Kerajaan Negeri, KPKT telah menetapkan bahawa wang deposit 3% daripada anggaran kos pembinaan pemajuan yang diwajibkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Akta 118) diselaraskan kepada RM200,000.00. Penyelarasan ini adalah insentif kepada pemaju rumah mampu milik.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN : 407**